

## Permainan Warisan Gasing Piring

Nur Mastura binti Mohd Muhaimi

Nur Shuhadah binti Ismail

Nik Azliza binti Nik Ariffin

Dr. Alwi bin Mohd Yunus

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### ABSTRAK

*Gasing Piring merupakan salah satu permainan tradisional yang terdapat di Malaysia yang telah diwarisi dari zaman ke zaman sejak dulu lagi. Gasing Piring dimainkan bagi melihat tempoh masa ianya mampu berpusing. Gasing yang mampu berpusing lebih lama akan dikira sebagai pemenang. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keunikan permainan warisan Gasing Piring yang cukup terkenal di Negeri Kelantan. Gasing Piring ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari segi cara pembuatan hingga cara permainannya. Kajian ini dijalankan bagi tujuan pendokumentasian sejarah lisan tentang sejarah permainan warisan Gasing Piring di Malaysia yang dipercayai bermula di Kota Jembal, Kelantan. Artikel ini menerangkan tentang asal usul Gasing Piring, proses pembuatan serta mengetahui cabaran yang dihadapi dan langkah-langkah bagi memartabatkan dan memelihara permainan warisan Gasing Piring. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana temubual diadakan bersama seorang tokoh penggiat permainan warisan Gasing Piring yang terkenal di Negeri Kelantan iaitu Encik Ismail bin Mohamed atau lebih dikenali sebagai "Abang Nor".*

**Kata kunci:** Gasing, Gasing Piring, Gasing Uri, Gasing Leper, Permainan Tradisional

### ABSTRACT

*Gasing Piring is one of the famous traditional games in Malaysia. It is played to see the time of its spinning. The winner is acknowledged by the longest time it can spin. Thus, this research article studies the uniqueness of Malaysian traditional games "Gasing Piring" the spinning top that is famous in its East Coast state, Kelantan. It has its own distinctive characteristic feature differ from other spinning tops from the way of the creation to how it is played. This research article intended to create an Oral History Documentation on this Malaysian traditional games that believe its history began in Kota Jembal, Kelantan. This research article also explains the history of The Gasing Piring, the making process and the challenges faces as well as the steps for dignifying and*

*preserving these Malaysian traditional games. This study uses qualitative methods where the interview was held with one of the famous figures of Malaysian traditional games “Gasing Piring” maker and player which Encik Ismail bin Mohamed or better known as “Abang Nor”.*

**Keywords:** Spinning Top, Gasing Piring, Gasing Uri, Gasing Leper, Traditional Games

## PENGENALAN

Menurut kenyataan di dalam Laman Web Rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), gasing merupakan satu permainan tradisional yang bertujuan untuk menguji kepintaran pemain bagaimana untuk memusingkan gasing supaya gasing mereka dapat berpusing pada paksinya sambil mengimbang pada satu titik. Selepasnya musim menuai atau pada musim buah-buahan, permainan gasing ini sering dimainkan oleh orang-orang Melayu terdahulu. Menurut Zaitie Satibi (2019), asal usul gasing ini berasal daripada permainan memusing buah berembang yang berbentuk bulat, licin dan agak leper. Buah ini mudah dijumpai di kawasan pesisir pantai dan kebiasaananya buah ini digunakan oleh para pesilat sebagai latihan untuk menguatkan tangan mereka. Suku kata gasing di mana “ka” singkatan bagi kayu dan “sing” pula daripada perkataan pusing kerana gasing sifatnya berpusing. Gasing dimainkan dengan dua cara sama ada sebagai Gasing Pangkah atau Gasing Uri. Gasing Pangkah dimainkan dengan cara dilemparkan supaya mengetuk gasing pihak lawan manakala Gasing Uri pula dipertandingkan untuk menguji ketahanannya berpusing.

Dalam kajian ini, ia memfokuskan kepada seni permainan tradisional Gasing Piring atau dikenali juga dengan panggilan Gasing Uri atau Gasing Leper. Gasing Piring bermaksud gasing yang berbentuk pipih dan melebar. Ketahanan Gasing Piring berputar ditentukan oleh pipih gasing tersendiri. Kebiasaananya Gasing Piring ini mempunyai simpal logam dan timah. Corak yang terdapat pada Gasing Piring terbentuk secara semulajadi kerana berdasarkan jenis kayu yang digunakan. Badan Gasing Piring ini berbentuk rendah serta leper, beratnya juga dalam lingkungan 3-kilogram sehingga 4.5-kilogram dengan lilitan sekitar 60 cm dan ketinggian 8 cm (Zaitie Satibi, 2019). Harian Metro (2014), mengusulkan bahawa terdapat pembantu yang diperlukan dalam pertandingan Gasing Piring iaitu dikenali sebagai tukang pemusing bagi memusingkan gasing dan tukang cokok bagi menyambut gasing yang dilemparkan oleh tukang pemusing. Gasing yang telah

dilemparkan akan disambut oleh tukang cokok lalu dicacakkan ke atas tanah. Gasing yang berpusing paling lama dikira sebagai pemenang dalam pertandingan. Menurut kebiasaannya, Gasing Piring akan berpusing lebih daripada 2 jam kerana mempunyai tahap keseimbangan yang tinggi. Jika di dalam pertandingan, pemenang akan dikira berdasarkan ketahanan Gasing Piring berpusing. Semakin lama tempoh Gasing Piring berpusing, maka ianya akan dikira sebagai pemenang.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Negeri Kelantan terkenal dengan pelbagai kesenian tradisional yang diwarisi nenek moyang masyarakat melayu Kelantan sejak dahulu lagi. Permainan Gasing Piring merupakan permainan yang digemari oleh masyarakat di negeri Kelantan. Walaubagaimanapun, generasi muda pada hari ini kurang berminat bermain permainan Gasing Piring disebabkan kurangnya pendedahan cara permainan gasing ini dimainkan. Mereka lebih berminat ke arah permainan yang melibatkan gajet iaitu E-sukan kerana permainan ini lebih santai dan merupakan langkah awal bagi persiapan dalam Revolusi Industri 4.0 (Harian Metro, 2018).

Teknik atau kaedah untuk membuat gasing ini telah mengalami perubahan dari masa ke semasa sama ada dalam cara pembuatan, bahan serta peralatan yang digunakan untuk membuat Gasing Piring dan ketahanan sesebuah Gasing Piring. Pada masa dahulu, gasing yang dibuat tidak dapat tahan lama dan mudah pecah kerana tukang gasing masa dahulu membuat gasing hanya dengan menggunakan kayu bulat sahaja dan mereka menoreh kayu itu sehingga terbentuk gasing. Oleh hal yang demikian, pembuat gasing telah melakukan perubahan dalam pembuatan gasing dengan mengubah cara pembuatan gasing secara tradisional kepada lebih moden. Peralatan yang digunakan juga turut berubah moden dengan menggunakan kapak, gerudi, paku, kertas pasir dan pemahat (Aini Abd Samad, 2012). Malangnya setiap perubahan yang dilakukan, tidak didokumentasi dan ini menyebabkan tiadanya panduan bertulis mengenai pembuatan Gasing Piring bagi dijadikan rujukan terutama untuk penambahbaikan penghasilan Gasing Piring yang lebih berkualiti dan berinovasi.

Dengan kajian penyelidikan sejarah lisan dapat memupuk minat generasi muda dalam permainan tradisional terutamanya Gasing Piring supaya permainan ini tidak dilupakan oleh generasi muda pada masa sekarang.

Scenario ini sangat membimbangkan dan ia sesuatu yang merugikan kerana permainan tradisional adalah sebahagian daripada khazanah warisan masyarakat melayu yang dilupakan sedangkan ia mempunyai nilai yang tersendiri dan perlu dipelihara. Selain itu kajian penyelidikan ini juga dapat mewujudkan pendokumentasian sebuah panduan secara bertulis bagi menghargai, mencintai, melestari dan mengembangkan permainan tradisional Gasing Piring dapat dipupuk supaya tidak pupus ditelan zaman.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi menyempurnakan kajian ini, beberapa objektif berikut disenaraikan;

1. Untuk mengkaji asal usul Gasing Piring di Malaysia
2. Mengenal pasti proses pembuatan Gasing Piring
3. Untuk mengetahui cabaran dan langkah-langkah bagi memartabatkan dan memelihara seni warisan Gasing Piring

### **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian Sejarah Lisan ini dijalankan bagi mengumpulkan maklumat dalam menjawab beberapa persoalan yang timbul seperti berikut:

- 1) Bagaimakah asal usul Gasing Piring di Malaysia?
- 2) Bagaimakah proses pembuatan Gasing Piring?
- 3) Apakah cabaran dan langkah-langkah bagi memartabatkan dan memelihara seni warisan Gasing Piring?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan utama kajian sejarah Sejarah Lisan adalah untuk mendapatkan dan memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan hilang terutamanya rekod berkaitan pembuatan dan cara bermain permainan tradisional Gasing Piring ini. Sejarah lisan juga merupakan sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan melalui temu bual yang dirancang dan direkodkan oleh penyelidik dan informan.

Hasil kajian penyelidikan Sejarah lisan ini amat penting bagi tujuan memelihara pengetahuan sejarah dan warisan Gasing Piring, terutamanya yang didapati melalui pengkisahan pengalaman yang dialami oleh tokoh warisan Gasing

Piring ini sendiri. Hal ini turut menyumbang bagi penambahan dan juga membantu mengisi kekosongan maklumat dari sumber bertulis sedia ada berkaitan permainan tradisional dan membantu menambahkan panduan secara bertulis berkaitan Gasing Piring. Hasil Kajian penyelidikan sejarah lisan ini juga amat penting kepada generasi hadapan dan juga para penyelidik bagi mengetahui, jenis seni warisan terutamanya permainan tradisional Gasing Piring ini pernah wujud dan telah melalui pelbagai transformasi penciptaan sehingga terjadinya revolusi Gasing Piring seperti yang dapat dilihat pada masa kini.

Kajian penyelidikan ini amat penting supaya perkembangan dan nilai nilai warisan berkaitan permainan tradisional, terutamanya Gasing Piring tidak dilupai atau hilang dalam lipatan sejarah begitu sahaja.

## TINJAUAN LITERATUR

### Definisi Gasing Piring

Gasing merupakan sebuah alat permainan tradisional yang diperbuat daripada kayu yang mempunyai paksi serta dipusingkan dengan tali (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016), gasing merupakan salah satu daripada permainan tradisional yang telah dikenali sekian lamanya. Menurut sebuah artikel di laman portal Jabatan Warisan Negara (2016), pada tahun 2004 gasing telah diangkat sebagai salah sebuah warisan negara.

### Jenis-jenis Gasing

Di Malaysia gasing terbahagi kepada dua jenis iaitu, Gasing Uri (Gasing Piring) dan juga Gasing Pangkah (Utusan Malaysia, 2013). Gasing Uri atau Gasing Piring yang berbentuk leper seringkali dimainkan dalam pertandingan kerana ia mampu berpusing dalam tempoh yang lebih lama serta lebih dikenali di negeri Kelantan. Manakala bagi Gasing Pangkah yang turut dikenali sebagai Gasing Malaysia terkenal di negeri Pahang, Selangor, Johor dan Terengganu. Menurut sebuah artikel di Harian Metro (2014), mereka

menyifatkan Gasing Piring sebagai objek bulat yang diperbuat daripada kayu bersalut logam, emas mahupun tembaga.

Menurut Darwisy Syahidy (2018), pada masa lampau gasing seringkali dimainkan selepas musim menuai padi. Pertandingan akan diadakan di antara kampung dan pemenang ditentukan dengan melihat tempoh masa gasing mampu berputar. Semakin lama tempoh gasing tersebut mampu berputar maka ianya akan dikira sebagai pemenang. Gasing Piring pada kebiasaanannya mampu berpusing atas paksi lebih dari 2 jam dan mempunyai berat sehingga 4.5 kilogram (Harian Metro, 2014).

### **Asal usul Gasing Piring**

Asal usul dan sejarah gasing di Malaysia masih lagi kurang jelas dan banyak spekulasi mengenainya. Menurut Bias Puspitasari (2018), permainan gasing ini wujud hasil penemuan buah berembang di tepi pantai. Disebabkan struktur buahnya yang bulat, licin dan leper memudahkan ianya berputar ligat. Masyarakat seterusnya mengadaptasi rekaan ini dengan menggunakan kayu yang mudah dibentuk. Lain pula pandangan dari Abu Bakar (1999), yang mengatakan permainan gasing ini berasal dari “permainan laga telur”. Permainan ini dimainkan oleh kanak kanak dengan memusingkan telur dan melagakannya antara satu sama lain.

Manakala masyarakat di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu lebih menggemari permainan gasing. Mereka akan bermain bagi mengisi masa lapang setelah penat bekerja di sawah dan di laut (Jasman & Siti Zaiton, 1996). Kenyataan ini turut disokong oleh Yunos Pipet (1993) yang mengatakan orang melayu pada masa lampau rata-rata adalah petani yang meneroka hutan dan mencari tanah baru, sebagai tempat mencari rezeki. Setelah penat bekerja keras mereka ingin beristirehat dan berhibur tanpa membazirkan masa atau harta. Maka katanya dari sinilah mereka memikirkan cara menggunakan bahan terbuang yang sedia ada di sekeliling mereka dengan sebaiknya lalu tercetuslah idea bagi menghasilkan gasing menggunakan bahan terpakai sekeliling mereka. Lain pula pandangannya dari Omar (1998), yang mengatakan permainan Gasing Piring ini sendiri di Kelantan telah bermula pada abad ke 17 pada pemerintahan Raja Jembal dan dimainkan di majlis diraja sebagai persembahan kepada raja. Masyarakat di Kelantan juga percaya asal usul gasing turut melibatkan unsur dongeng keagamaan di mana dipercayai daripada cucu Nabi yang menjumpai buah khuldi lalu memusingkan nya dan

dijadikan permainan (Omar, 1998).

### **Proses Pembuatan Gasing Piring**

Teknik atau kaedah untuk membuat Gasing Piring ini dipercayai telah mengalami perubahan dari masa ke semasa sama ada dari cara pembuatannya, bahan dan peralatan yang digunakan. Pada umumnya gasing tradisional diperbuat daripada kayu yang terpilih dipahat dan diukir sehingga membentuk gasing dan talinya pula dibuat daripada kulit pokok atau tali nilon (Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016). Menurut Aini Abdul Samad (2012), pada masa dahulu gasing yang dibuat mudah pecah kerana mereka hanya menggunakan kayu bulat sahaja yang ditaruh menjadi gasing. Oleh yang demikian, terdapatnya idea baru oleh pembuat gasing dari kaedah lama ke lebih moden dengan menggunakan bahan-bahan seperti simenfro, pasir, kaca, serabuk, habuk kayu, seramik, logam, pewter, dan plastik. Peralatan yang digunakan juga lebih moden, seperti penggunaan mesin pelarik. Peralatan yang digunakan juga turut berubah moden iaitu dengan menggunakan kapak, gerudi, paku, kertas pasir dan pemahat. Pada asasnya kayu yang digunakan untuk membuat Gasing Piring adalah seperti Bebaru, Kemuning, Merbau, Kundang, Rambai atau durian yang dikikis sehingga menjadi bentuk gasing (Bias Puspitasari, 2018). Proses membuat gasing juga mengambil masa yang lama untuk disiapkan kerana ia hanya melalui beberapa peringkat, seperti pemilihan dan pencarian kayu, peringkat membakal, melarik, menubir dan sebagainya memerlukan ketelitian (Aini Abdul Samad, 2012).

### **Cara permainan Gasing Piring**

Menurut Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016), cara bermain gasing adalah dengan melilitkan tali gasing pada leher gasing, kemudian jari tengah pemain dimasukkan ke dalam lubang pengait yang telah menjadi satu dengan tali gasing. Seterusnya dengan mengangkat atau menarik tangan kebelakang, lalu gasing dilemparkan dengan sekuat tenaga. Di dalam sebuah artikel oleh akhbar Utusan Malaysia (2015), cara bermain gasing adalah dengan kedudukan kekuda kaki kiri dihadapan dan meletakkan posisi paksi gasing ke bawah separas bahu lalu membalingnya ke petak pusingan yang dituju. Manakala, bagi permainan Gasing Piring pula, setiap gasing yang dilemparkan kearah “bom” akan dicokok oleh Jong Cokok dan dipindahkan ke

atas Lopok yang dicacukkan di atas tanah bagi memerhati tempoh Gasing Piring ini berpusing. Gasing Piring yang berpusing paling lama dikira sebagai pemenang (Harian Metro, 2014). Pada kebiasaananya Gasing Piring mampu berpusing lebih dari 2 jam kerana tahap keseimbangannya.

### **Cabaran Dan Langkah-Langkah Bagi Memartabatkan Seni Warisan Gasing Piring**

Tidak dapat disangkal, kemajuan teknologi maklumat dan proses Revolusi industri 4.0 secara tidak langsung memberi perubahan ketara terhadap cara hidup kita terutamanya dari segi revolusi industri sukan (Nur Hafizah Yusof et al.,2020). Peredaran zaman yang semakin moden dengan kemajuan teknologi yang pesat kini menyebabkan masyarakat kini tidak lagi peka dengan terhadap permainan tradisional terutama Gasing Piring. Masyarakat kini lebih memilih untuk mengisi masa lapang mereka dengan permainan yang melibatkan Gadget, seperti telefon pintar, tablet mahupun, komputer. Sukan ini juga turut dikenali sebagai sukan Virtual atau E-Sukan Menurut Nur Hafizah et al. (2020), E- sukan merupakan suatu cabang baharu dalam dunia sukan, di mana perbezaan ketara antara E-sukan dan sukan tradisional ini adalah E-sukan tidak memerlukan sebarang kekuatan atau sentuhan fizikal bagi mencapai kemenangan. Selain itu golongan muda lebih tertarik bermain permainan ini disebabkan konsep permainan yang interaktif dan berdaya saing mencetuskan interaksi sosial secara maya lantas turut memberikan keseronokan kepada pemainnya (Martonicik, 2018). Keadaan ini amat membimbangkan sekiranya permainan tradisional seperti Gasing Piring dilupakan generasi sekarang.Timbalan Menteri Pelancongan dan Seni Budaya Malaysia, YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (2019), dalam ucapanya menyebut masyarakat masih lagi menunjukkan minat terhadap program berkaitan seni dan warisan adalah menjadi cabaran yang cukup besar kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam arus kemajuan teknologi masa kini untuk memelihara, mengekal dan menyuburkan minat rakyat Malaysia supaya terus menghargai seni warisan bangsa seperti permainan tradisi ini.

### **METODOLOGI**

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sejarah Lisan merupakan suatu kaedah yang merakamkan kenangan

seseorang tokoh melalui wawancara. Tokoh yang dipilih juga merupakan seorang yang berpengetahuan yang dapat memberikan maklumat mengenai Seni warisan Gasing Piring. Segala maklumat yang diperoleh dari temu bual tersebut akan disalin, dan salinan tersebut disemak dan ditaip, seterusnya dapat digunakan sebagai suatu bahan bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan. Kenyataan ini juga dapat disokong oleh Ahmad (1987), yang menyatakan sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengisian.

Bagi melaksanakan kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan sebagai sumber primer dengan mengadakan temu bual sebagai metod utama kajian kes. Data yang diperoleh dari temu bual akan di transkip sepenuhnya. Menurut Chua (2006), kajian kualitatif tidak dapat dijelaskan dengan data numerika di mana ianya perlu pemerhatian yang teliti, terutamanya dari segi emosi, motivasi dan empati, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi. Oleh yang demikian, temu bual secara bersemuka dilakukan bersama tokoh, Encik Ismail Bin Mohamed dan hasil rakaman temu bual tersebut dilakukan transkripsi. Selain itu, pencarian data melalui bahan-bahan ilmiah dari jurnal, artikel, surat khabar, buku dan juga laman sesawang bagi mendapatkan maklumat tambahan sebagai sumber sekunder.

Kajian ini menggunakan tiga kaedah iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual ialah melibatkan perbualan komunikasi dua hala antara penyelidik dengan tokoh untuk tujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan.

Bagi kajian ini temu bual berstruktur dijalankan secara formal dan teliti. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh penemubual perlu selaras dengan objektif kajian. Melalui temu bual data yang lengkap dapat diperolehi dan pemerhatian dapat diperkuuh dan dilengkapi. Menurut Denzin (2010), temu bual bersifat reflektif dan dapat mencerminkan keadaan sebenar sesuatu fenomena. Temu bual diadakan secara bersemuka di kediaman tokoh di Kota Bharu Kelantan, seterusnya hasil perbualan yang direkod akan di transkrip.

Manakala bagi kaedah pemerhatian, ia juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temu bual. Pemerhatian boleh dibuat dengan bantuan peralatan seperti alatalat rakaman termasuk teropong, kaset dan kamera video. Dengan

pemerhatian, penyelidik boleh memerhati, mencatat, merekod peristiwa dan tingkah laku sampel yang dikaji. Dalam hal ini rakaman video juga digunakan bagi tujuan mengumpul data temu bual yang diadakan bersama tokoh supaya dapat membantu penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

Seterusnya, penyelidik dapat mengkaji dan menganalisis bahan-bahan daripada sumber rujukan seperti artikel, jurnal, majalah, surat khabar, buku dan laman sesawang sebagai sumber sekunder bagi melengkapkan kajian ini.

### LATAR BELAKANG TOKOH



**Gambar 1:** Encik Ismail Bin Mohamed, Tokoh Permainan warisan Gasing Piring

Tokoh yang dipilih ialah Encik Ismail bin Mohamed atau turut dikenali sebagai “Abe Nor” atau “Abang Nor” dalam kalangan masyarakat tempatan dan peminat Gasing Piring. Encik Ismail seorang anak Jati negeri Kelantan dan kini berusia 66 tahun merupakan seorang penggiat seni warisan Gasing Piring yang amat terkenal di negeri tersebut. Tokoh yang turut mahir membuat dan bermain permainan Gasing Piring ini, kini menetap di Kampung Padang Bemban Cabang 4, Binjai, Kelantan dan mempunyai lima orang cahaya mata.

Encik Ismail bin Mohamed mula serius terbabit dalam pembuatan gasing pada tahun 1984, iaitu sekitar 30 tahun yang lalu setelah bapa beliau yang juga seorang pembuat gasing meninggal dunia. Sehingga kini beliau telah menghasilkan kira-kira 5000 biji Gasing Piring. Hasil sentuhan tangan beliau, Gasing Piring yang dihasilkannya seringkali muncul juara dalam pertandingan,

dan menjadi pencabar utama dalam pertandingan.

Encik Ismail juga sering kali menerima jemputan untuk menyertai pertandingan dan pertunjukan, bukan sahaja dari dalam negara malahan dari negara luar seperti di London, England dan Indonesia. Bagi acara dalam negara juga tokoh turut berkolaborasi bersama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan bagi membuat persembahan Permainan Gasing Piring ini. Bagi mengekalkan seni warisan Gasing Piring, Encik Ismail bin Mohamed turut berkongsi ilmunya dengan mengadakan sesi latihan dan pengajaran di bengkelnya selain melatih sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Kubang Che Ayu. Beliau juga turut memberikan kerjasama dan sudi untuk ditemu bual secara bersemuka bersama penyelidik.

## HASIL KAJIAN

### Pengenalan Gasing Piring

Berdasarkan kajian yang diadakan, perkataan “Gasing” pada asalnya berasal daripada perkataan “Gagah Berpusing” merujuk kepada sifat gasing tersebut yang berpusing. “Ga” diambil dari awalan perkataan gagah, manakala “Sing” pula daripada akhiran perkataan berpusing. Gasing ini dikenali sebagai Gasing Piring oleh kerana bentuknya yang leper dan pipih seperti piring. Gasing Piring juga turut dikenali sebagai Gasing Uri dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan. Pada kebiasaanya Gasing Piring ini sering kali menjadi pilihan bagi penggemarnya bagi dijadikan sebagai perhiasan di pejabat mahupun rumah kerana bentuknya yang unik dan juga corak semula jadi yang menawan yang terdapat pada gasing tersebut. Harga bagi Gasing Piring ini pula bermula sekitar RM 350 dan mampu mencecah sehingga RM 12,000 bergantung kepada saiz dan mutu kayu yang digunakan. Saiz yang lebih besar dan mutu kayu yang lebih berkualiti serta corak yang cantik menyebabkan harganya menjadi semakin tinggi.



Gambar 2: Gasing Piring diletakkan di atas Lopor

### Perbezaan Gasing Piring dan Gasing Pangkah

Hasil kajian mendapati adanya perbezaan antara Gasing Piring dan Gasing Pangkah. Gasing Pangkah lebih terkenal di selatan tanah air seperti di negeri Johor dan ada juga di sebahagian negeri Selangor. Perbezaan ketara adalah dari segi bentuknya, Gasing Piring berbentuk leper seperti piring manakala gasing pangkah berbentuk seperti jantung dan saiznya juga lebih kecil. Cara bermain juga turut mempunyai perbezaan di mana Gasing Piring dimainkan bagi melihat tempoh masa ianya mampu berpusing, manakala Gasing Pangkah dimainkan dengan memangkah gasing pihak lawan bertujuan bagi mematikan nya. Gasing Piring tidak sesuai dimainkan dengan cara yang sama seperti Gasing Pangkah disebabkan oleh saiznya yang melebar dan akan menyebabkan kerosakan pada gasing tersebut. Tukang Gasing, menyifatkan Gasing Piring mempunyai seninya yang tersendiri bukan sahaja disebabkan oleh bentuknya yang lebih aerodinamik malahan teknik pemilihan kayu yang mempunyai corak semula jadi juga menyebakan ianya unik. Selain itu Gasing Piring ini juga hanya sesuai dimainkan oleh golongan lelaki sahaja disebabkan oleh beratnya sendiri yang mencecah sehingga 4 Kilogram, selain teknik bermainnya juga sedikit rumit. Berbeza dengan Gasing Pangkah yang lebih mudah dimainkan oleh semua golongan termasuk kanak-kanak dan beratnya juga lebih ringan.

### Asal usul Gasing Piring di Malaysia

Hasil kajian ini juga mendapati asal usul Gasing Piring adalah bermula di Kota Jembal, Kelantan ketika pemerintahan Kesultanan Raja Jembal, sekitar tahun 1600-1700 yang lampau dan dimainkan di majlis diraja sebagai persembahan kepada raja. Sehingga kini Gasing Piring hanya terdapat dan masih dikenali di kawasan berhampiran pesisir pantai Kota Bharu, Kelantan. Antara kawasan tersebut adalah Kota Jembal, Bukit Marak, Kubang Telaga, Pasir Puteh, Kemumin, Pengkalan Chepa, Binjai dan ada juga segelintir kawasan di daerah Besut, Terengganu.

Gasing Piring juga dipercayai turut digunakan pada zaman dahulu bertujuan menguji kekebalan atau kekuatan seseorang pemiliknya dengan dibaca jampi serapah ketika perlawanan bagi menumpaskan pihak lawan di dalam gelanggang. Masyarakat dahulu juga turut percaya pada unsur mistik yang terdapat pada sesbuah kayu yang digunakan bagi menghasilkan sesbuah gasing. Mereka seringkali mencari kayu yang dianggap sebagai berpuaka seperti kayu Merbau yang dijumpai di kawasan yang dipercayai terdapat unsur mistik, lalu membuat Gasing Piring menggunakan kayu tersebut. Gasing Piring yang dicipta menggunakan kayu yang dianggap "berpuaka" tidak dijaga dengan rapi pada akhirnya akan menyebabkan gangguan mistik terhadap pemiliknya.

Dipercayai, pada masa kini para penggiat permainan warisan Gasing Piring, tidak lagi menggunakan sebarang teknik atau kepercayaan seperti masa lampau. Mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada teknik penghasilan Gasing Piring yang baik dan penggunaan kayu yang berkualiti.

Pada asalnya, Gasing Piring ini dimainkan dan tercipta bagi dijadikan sebagai suatu hiburan untuk mengisi masa lapang dan terluang, terutamanya bagi golongan petani dan juga nelayan. Masyarakat dahulu akan bekerja keras sehingga enam bulan lamanya dan akan berhenti rehat juga selama enam bulan. Oleh yang demikian, bagi mengisi masa terluang, mereka akan mencipta sesuatu seperti sebuah permainan yang dapat menghiburkan mereka. Antaranya ialah permainan tradisional berdasarkan hobi mereka tersendiri, seperti Wau, Layang-layang dan gasing. Maka dengan masa terluang ini, terhasillah permainan Gasing Piring. Hasil kajian turut mendapati, permainan warisan Gasing Piring ini bukan sahaja merupakan sebuah permainan tradisional, malahan ianya juga turut digunakan sebagai suatu alat perpaduan. Hal ini kerana tempoh perlawanan yang lama serta kedatangan

para peserta daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan pengunjung dari pelbagai kawasan, membuatkan mereka dapat berinteraksi, berbual dan mengenali antara satu sama lain. Situasi ini menjadikan interaksi mereka lebih pelbagai sekaligus dapat memupuk perpaduan di dalam kalangan masyarakat.

### **Proses pembuatan Gasing Piring**

Di samping itu, hasil kajian juga dapat mengenal pasti proses yang terlibat dalam penghasilan sesebuah Gasing Piring. Pada zaman dahulu, Gasing Piring ini hanya diperbuat daripada kayu semata-mata tanpa ada sebarang campuran timah atau logam. Gasing Piring dengan rekaan sebegini hanya mampu bertahan sekitar 15 minit sahaja, dan tempoh tersebut dirasakan amat singkat. Para pembuat Gasing Piring yang tidak berpuas hati dengan tempoh masa yang singkat tersebut terus melakukan revolusi dalam penghasilannya, bagi menghasilkan Gasing Piring yang mampu berpusing lebih lama. Kemudian Tukang Gasing mula mendapat idea dengan mencuba membuat Gasing Piring dengan memasukkan timah yang disembunyikan di dalam badan Gasing Piring. Gasing Piring dengan rekaan sebegini mampu berpusing lebih dari satu jam. Disebabkan oleh Gasing Piring ini dipertandingkan bagi melihat tempoh masa ianya mampu berpusing, maka ianya mendesak para pembuat Gasing Piring (Tukang Gasing) terus melakukan pembaharuan dalam penghasilannya. Maka pada tahun 2000 suatu bentuk Gasing Piring dengan campuran logam dan timah serta reka bentuknya yang lebih aerodinamik telah berhasil. Ternyata hasil rekaan sebegini mampu berpusing lebih lama dengan rata-rata tempoh antara 2 jam 45 minit, iaitu satu kali ganda dari tempoh yang lama. Reka bentuk yang sama serta proses penghasilan yang serupa masih lagi digunakan sehingga ke hari ini.

Seterusnya, proses utama dalam pembuatan sesebuah Gasing Piring adalah bermula dengan mencari kayu asas bagi penghasilannya. Sebagai pembuat Gasing Piring, kebijaksanaan amat diperlukan bagi memilih kayu yang bersesuaian dan berkualiti. Kayu yang seringkali digunakan adalah jenis Bebaru, yang terdapat di kawasan berpaya atau di kawasan kuala sungai, kayu Merbau yang terdapat di hulu pantai, kayu Nangka dan juga kayu Gertak. Jenis kayu yang paling berkualiti dan terbaik adalah jenis Bebaru kerana kayu jenis ini tidak dimakan anai-anai disamping turut mempunyai ira semula jadi yang cantik. Selain kayu antara bahan lain yang digunakan dalam pembuatan Gasing Piring adalah seperti aluminium, tanduk kerbau, timah, tembaga, 3 biji skru dan juga besi keluli bagi dijadikan sebagai paksi. Selain itu, timah yang

digunakan bagi menghasilkan gasing ini diperolehi daripada bateri kereta yang telah rosak, selain bahan lain mudah dibeli dan didapati di kedai.

Proses seterusnya adalah mengeringkan kayu. Kayu yang dipotong, ditakik dan dikikis akan dijemur sehingga kering dianggarkan antara dua ke tiga bulan. Sekiranya kayu yang digunakan masih lagi basah atau lembab ianya akan menyebabkan Gasing Piring mudah mengalami kerosakan serta mudah renggang dari salutan timah. Setelah kayu kering, proses seterusnya adalah menghasikan kayu berbentuk bulat meleper dengan mengikis kayu tersebut menggunakan pahat. Kayu yang berbentuk bulat seterusnya akan dilarik sehingga mendapat ukuran yang dikehendaki menggunakan sebuah alat tradisional yang dinamakan Bendu atau alat memutar objek menggunakan mata pelarik. Alat tradisional ini hanya digerakkan menggunakan kaki.



**Gambar 3:** Bendu

Seterusnya timah akan dimasak selama 45 minit atau sehingga mendidih dan semasa ianya masih panas ianya akan dituang pada kayu yang telah diukir dengan mencurahkan timah ke dalam acuan yang telah tersedia. Proses tersebut dinamakan sebagai “Tuam Gasing”. Timah yang telah mengeras akan disejukkan dengan melalukanya ke dalam air. Setelah timah yang disalut pada Gasing Piring sejuk, ianya akan dilarik sekali lagi

menggunakan Bendu selama 2 jam, bertujuan bagi mendapatkan hasil yang lebih kemas, licin dan bentuk yang lebih cantik.



**Gambar 4:** Kayu bulat diletakkan pada Bendu untuk dilarik

Bagi menaikkan seri pada gasing semburan cat jernih akan dibuat ke atas Gasing Piring tersebut semburan ini akan menjadikan Gasing Piring lebih berkilat dan menonjolkan corak semulajadi pada gasing. Selepas itu, gasing akan dijemur selama sehari bagi mengeringkan cat tersebut. Untuk menambahkan keindahan pada Gasing Piring, aksesori yang diperbuat dari tanduk kerbau, timah, tembaga atau emas akan dipasangkan pada bahagian kepala gasing.



**Gambar 5:** Perhiasan yang dipasang pada kepala Gasing Piring

Proses terakhir ialah Gasing Piring akan dipasangkan paksi dan diletakkan di atas Lopor bagi menguji keseimbangan dan tempoh pusingannya. Teknik ini turut dikenali sebagai “*Balancing*” dan “*Testing*”. Di sinilah kualitinya ditentukan. Hasil kajian turut mendapati, Gasing Piring yang dibuat adalah sepenuhnya menggunakan tangan tanpa menggunakan sebarang sentuhan mesin moden. Walau bagaimanapun, sekiranya Gasing Piring ini dibuat dengan bersungguh-sungguh, sebiji Gasing Piring dapat dihasilkan dalam satu hari. Bagi proses penghasilannya pula dianggarkan mengambil masa sehingga 8 jam bagi semua proses dapat dilengkapkan.

### **Penjagaan Gasing Piring**

Penjagaan Gasing Piring tidak terlalu rumit. Bagi mengekal kan kecantikan dan mengelakkan warna semula jadi pada Gasing Piring luntur, gasing tidak boleh diletakkan di tempat bertutup dan gelap seperti almari. Pemilik Gasing Piring juga tidak boleh meletakkan gasing mereka pada tempat yang terlalu tinggi bagi mengelakkan ianya jatuh dan menyebabkan kerosakan pada ‘balancing’ atau keseimbangan pada gasing tersebut. Gasing Piring juga perlu dikilatkan secara berkala menggunakan alat pengilat yang sesuai, manakala bagi suhu yang bagi penyimpanan nya pula adalah pada suhu bilik iaitu tidak terlampau panas atau sejuk.

### **Cara bermain Gasing Piring**

Gasing Piring ini dimainkan di gelanggangnya yang tersendiri. Gelanggang tersebut berbentuk bulat berukuran sekitar 20 kaki per segi, yang turut berpagar dan ditengah gelanggang tersebut diletakkan sebuah platform yang dipanggil sebagai “Bom”. Bom yang diletakkan di tengah-tengah gelanggang bertujuan bagi menasarkan di mana Gasing Piring tersebut perlu dilemparkan.



Gambar 6: Platform berwarna hijau dikenali sebagai "Bom"

Gelanggang paling sesuai disediakan di kawasan lapang yang berumput. Pada kebiasaanya Bom bersaiz antara 2 kaki dan berketinggian antara 6 inci. Gelanggang tersebut dibahagikan kepada dua bahagian dengan menandakan nya menggunakan serbuk yang berwarna putih. Ianya bertujuan pembahagian laman setiap pasukan. Di kawasan gelanggang juga terdapat “rumah” mengikut pasukan bagi meletak Gasing Piring yang telah dilempar, dan juga “Pelupoh” iaitu sebuah kawasan sementara bagi membaiki Gasing Piring serta kawasan berkumpul bagi setiap pasukan.

Gasing Piring ini seringkali dimainkan secara berkumpulan. Dengan setiap kumpulan mempunyai 15 orang anggota. Ianya terdiri daripada ketua pasukan, naib ketua pasukan, pemusing dan pemasang tali dan juga tukang sambut. Setiap ahli akan bergilir-gilir bermain mengikut kesesuaian.

Teknik yang digunakan bagi melilit tali adalah dengan hujung tali di ikat pada tiang pokok atau tiang rumah sebelum dililit pada leher Gasing Piring bertujuan bagi mengetatkan nya. Bagi menghasilkan cengkaman yang lebih kuat sejenis getah daripada pokok akan disapu pada tali Gasing Piring tersebut. Kepanjangannya juga ternyata amat penting bagi membantu menghasilkan pusingan yang lebih laju dan mampu berpusing lebih lama. Manakala tali yang digunakan pada masa kini tidak lagi menggunakan kulit pokok. Kini tali yang diperbuat daripada Nilon digunakan, selain ianya lebih mudah didapati di kedai-kedai tali ini juga tahan lebih lama.

Teknik bagi melontarkan sebuah Gasing Piring pula seperti langkah dalam bersilat, dengan kebiasaanya kaki kiri kehadapan seakan- akan

membentuk kekuda dan menghadap ke arah “Bom” (platform).



**Gambar 7:** Tangkap Layar video Gasing Piring dilemparkan

Jarak antara pemusing dan “Bom” juga antara 7 sehingga 8 kaki bergantung kepada ketinggian pemain. Seterusnya tangan diangkat, dan dengan nafas yang terakhir, Gasing Piring dilemparkan ke arah Bom. Ketika ini kedua-dua tangan berfungsi dengan sebelah tangan melemparkan gasing dan sebelah tangan lagi digunakan bagi menarik tali.



**Gambar 8:** Tukang Cokok berbaju warna Hitam bersedia dalam posisi bagi menyambut Gasing Piring

Gasing yang dilemparkan akan disambut oleh tukang cokok, dan diletakkan diatas Lopor, yang telah dicacak kan diatas tanah dalam setiap

“rumah” pasukan masing-masing untuk dinilai masa pusingan.

Pemenang ditentukan dengan melihat pasukan yang mempunyai Gasing

Piring yang lebih lama berpusing. Permainan dimainkan bagi lima pusingan. Gasing Piring yang dilemparkan buat kali pertama dikenali sebagai Gasing Ibu manakala Gasing Piring yang dilemparkan pada akhir pusingan dikenali sebagai Gasing Kemuncak. Seterusnya, tidak terdapat sebarang peraturan atau pantang larang yang khusus berkaitan permainan warisan Gasing Piring ini. Pada kebiasaanya hanya perjanjian tertentu sahaja yang dibuat antara pasukan yang bertanding. Sekiranya Gasing Piring yang dipertandingkan kan seri, budi bicara antara pasukan yang bertanding diperlukan bagi menentukan pemenangnya. Pengadil akan menentukan salah satu ahli kumpulan sebagai pemenang. Jika pada perlawanan baharu terdapat situasi sama berulang maka pasukan yang belum diiktiraf sebagai pemenang akan dipilih.

Untuk menjadi seorang Pemusing, ternyata seseorang itu perlu mempunyai pakej tersendiri. Seorang pemusing haruslah berbadan tegap, mempunyai tinggi yang bersesuaian iaitu seorang lelaki dewasa yang tinggi serta mampu memusingkan gasing dengan laju. Ketinggian serta bentuk tubuh fizikal pemain turut mempengaruhi kejayaan sesebuah perlawanan. Manakala bagi menjadi seorang “Tukang Cokok” pula, seseorang itu haruslah berani, pandai mengelak serta pandai membaca laluan Gasing Piring. Ini disebabkan oleh “Tukang Cokok” yang akan menjadi penyelamat dan penyambut Gasing Piring setelah ianya dipusingkan.

Di negeri Kelantan, pertandingan Gasing Piring peringkat negeri seringkali diadakan pada setiap bulan September setiap tahun yang akan berlangsung selama satu sama ada pada hari Sabtu ataupun Ahad. Perlawanan biasa diantara pasukan kecil atau penduduk setempat turut diadakan pada setiap bulan kebiasaannya diadakan juga pada hujung minggu.

### **Cabaran dan Langkah-langkah Memartabatkan Permainan Warisan Gasing-Piring**

Hasil kajian ini juga mendapat terdapat beberapa cabaran dan langkah yang bagi memartabatkan permainan warisan Gasing Piring ini. Antara cabaran

utama yang dialami pada masa kini adalah disebabkan wabak pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, keadaan ini menyebabkan persembahan untuk mempromosikan Gasing Piring ini kepada orang ramai tidak dapat dijalankan dan terpaksa ditangguhkan. Hal ini kerana, pada kebiasaan Encik Ismail bin Mohammed dan pasukannya akan dipanggil bagi melakukan pertunjukan oleh pihak Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) sekaligus membantu mempromosikan warisan Negeri Kelantan. Bagi mengatasi permasalahan ini, promosi secara atas talian menggunakan laman sosial dilakukan supaya masyarakat terus mengetahui tentang Gasing Piring.

Tidak dapat dinafikan perkembangan teknologi semasa juga menyebabkan permainan warisan Gasing Piring ini kurang digemari anak muda. Media massa juga dilihat lebih menonjolkan permainan yang lebih canggih menggunakan gajet. Gasing Piring ini juga sebenarnya sesuai dijadikan sebagai permainan yang profesional setaraf dengan sukan bola sepak dan sukan badminton. Kekangan yang dihadapi adalah kerana ianya sukar untuk dikuasai dan kurangnya jurulatih di negara ini.

Walau yang demikian, permainan tradisional Gasing Piring ini masih lagi mendapat dokongan kerajaan khususnya Kerajaan Negeri Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan, Jabatan Kraftangan dan Muzium yang membantu dalam mempromosikan permainan ini kepada masyarakat luar. Para penggiat permainan warisan Gasing Piring turut berharap pada masa hadapan, kerajaan akan lebih banyak membantu mereka terutamanya bagi pemberian suntikan dana. Permainan warisan Gasing Piring di Kelantan sendiri dilihat akan terus kekal terpelihara dek kerana ramai dikalangan anak muda di negeri ini yang menunjukkan minat serta mahir bermain permainan warisan ini. Ada juga segelintir remaja dan belia yang telah menguasai teknik pembuatan Gasing Piring.

## KESIMPULAN

Ternyata, permainan tradisional Gasing Piring ini merupakan suatu simbol pengetahuan yang telah diwarisi sejak turun-temurun lagi. Ianya mempunyai pelbagai makna serta sebuah warisan antara generasi ke generasi yang harus dipelihara maklumat dan sejarahnya. Umumnya kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai keunikian dan keistimewaan Gasing Piring melalui sumber primer iaitu tokoh pembuat Gasing Piring di negeri Kelantan Encik Ismail Bin Mohamed. Segala

maklumat yang diperoleh amatlah berguna kepada generasi yang akan datang sebagai sumber rujukan.

Gasing Piring ternyata sebuah permainan warisan yang unggul yang harus dibanggakan masyarakat Negeri Kelantan dan juga rakyat Malaysia. Hal ini kerana sejarah awal bermula di Negeri Cik Siti Wan Kembang itu sendiri. Walaupun teknologi sudah berkembang dan terdapat banyak mesin yang mampu memudahkan kerja, ternyata penggiat permainan warisan Gasing Piring ini lebih selesa menggunakan alatan tradisional dalam penghasilannya disamping hasilnya yang berkualiti setaraf dengan bantuan mesin. Pembuatan dan teknik penghasilan Gasing Piring yang agak rumit dengan teknik tradisional amatlah perlu dihargai dan dipelihara dengan sebaiknya.

Bagi memastikan warisan ini tidak dilupakan oleh generasi kini, pelbagai usaha memperkenalkan kembali permainan tradisional Gasing Piring harus dilakukan. Melalui kajian sejarah lisan ini juga, tokoh dapat memberikan maklumat tambahan yang belum pernah dikaji dan juga mampu mencabar lagenda atau sejarah yang telah sedia diketahui oleh masyarakat. Ini sekaligus membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah mahupun seni warisan gasing, khususnya Gasing Piring di negeri Kelantan. Akhir sekali, ia dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari keunikan seni warisan mereka sendiri, merangsang minat terhadap penyelidikan sejarah dan warisan tempatan.

## RUJUKAN

- Aini binti Abdul Samad (2012). PERMAINAN GASING URI KELANTAN.  
[https://ir.unimas.my/id/eprint/21342/1/Permainan%20Gasing%20Uri%20Kelantan%20\(24%20pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/21342/1/Permainan%20Gasing%20Uri%20Kelantan%20(24%20pgs).pdf)
- Chua, Y. P. (2006). Methods and Statistics Research: Book 1 Research Method Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Denzin, N. K. (2001). The reflexive interview and a performative social science. *Qualitative Research*, 1(1), 23–46.  
<https://doi.org/10.1177/14687941001001002>
- Darwisy Shahidy bin Baharudin (2018). Pengenalan Permainan Tradisional Gasing Menggunakan Medium Pantulan Hologram. [Www.Academia.Edu.https://WWW.ACADEMIA.EDU/40667854/pengetahuan\\_permainan\\_tradisional\\_gasing\\_menggunakan\\_medium\\_pantulan\\_hologram](https://WWW.ACADEMIA.EDU/40667854/pengetahuan_permainan_tradisional_gasing_menggunakan_medium_pantulan_hologram)
- Harian Metro (Ed.). (2014, October 20). *Mampu berputar atas paksi lebih 2 jam*.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/10/3015/mampuberputarataspski>

ar-atas-paksi-lebih-2-jam

- Jabatan Warisan Negara. (2015, May 25). *Permainan Tradisi*.JWN 2020. [http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=135&Itemid=592&lang=ms](http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=135&Itemid=592&lang=ms)
- Kechot, A. S. (2015). Bentuk Komunikasi dalam Menangani Peranan Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Perfileman (Form of Communication in Addressing The Leadership Role of Non-Governmental Organisations (NGOS) Film). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 423–439. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-310224>
- Leman, N. (2016, September 22). *Permainan gasing perlu disemarakkan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/194931/permainan-gasing-perlu-disemarakkan>
- Malaysia Still Spinning a Centuries-Old Tradition*. (2014, July 8). NDTV.com. <https://www.ndtv.com/world-news/malaysia-still-spinning-a-centuries-old-tradition-585077>
- Martončík, M. 2015. E-Sports: Playing just for fun or playing to satisfy life goals? Computers in Human Behavior 48: 208-211
- Puspitasari, B. (2019). Permainan Gasing Pangkah Sebagai Daya Tarik Budaya Di Pahang Malaysia. *Foreign Case Study 2018*. <https://doi.org/10.31219/osf.io/bv87c>
- Satibi, Z. (2019, May 8). *Gasing Nusantara*. HM Online.
- Satibi, Z. (2019b, July 31). *Lupakan gajet buat seketika*. HM Online. <https://www.hmetro.com.my/huansa/2019/07/481148/lupakan-gajet-buat-seketika>
- User, S. (2019, April 17). *Gasing*. Tourism.Kelantan.My. <http://tourism.kelantan.my/index.php/ms/kebudayaan/gasing>
- Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundungan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 2(17). <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661/8523>
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8(0). <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5027/2574>
- Yusoff, Nur hafizah & HAIQAL, YUZA & Tahir, Zurinah & Abu Hasan, Norhafizah & Lyndon, Novel. (2020). Faedah Keterlibatan Belia di dalam E-Sukan (Benefits of Youth Involvement in E-Sports). 90. 175-185. 10.17576/akad-2020-90IK1-13
- Yunus Pipet (1993) Gasing Melayu / Yunus Pipet. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. ISBN 9789836236098